



**PERSATUAN DODGEBALL MALAYSIA (MAD)**

**MESYUARAT AGUNG KE – 12 2024**

**MINIT MESYUARAT**

**2.45 PM, JUMAAT, 4HB OKTOBER 2024**

**BILIK DAHLIA, RAINTREE CLUB KUALA LUMPUR,**

**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

<b>HADIR</b>			
<b>NO.</b>	<b>NAMA</b>	<b>KEAHLIAN</b>	<b>INDUK/NEGERI/PEMERHATI</b>
1	Dato Radha Krishnan	Individu	Induk
2	Datuk Dr. Ramlan bin Abdul Aziz	Individu	Induk
3	Yuzamri Yusof	Gabungan	P.D WP. Putrajaya
4	Zalilawati Zakaria	Gabungan	P.D. Kelantan
5	Abdul Hafidz Russly	Gabungan	P.D. Pahang
6	Nur Amiza Binti Mohd Tamrin	Gabungan	P.D. Pahang
7.	Muhammad Hafiz bin Yazid	Gabungan	P.D. Perak
8.	Yeo Wai Tat	Gabungan	P.D WP. Putrajaya
9.	Fatimatuzzahrah Binti Roslan	Gabungan	P.D Johor
10.	Emy Shahril bin Omar	Gabungan	P.D Melaka
11.	Awang Zaifulizan	Gabungan	P.D. Sarawak
12.	Otto Wong	Bersekutu	HADO
13.	Go Yew Kiat	Bersekutu	HADO
14.	Ramona Yuen	-	Induk/Penasihat
15.	DasataranV.Subramaniam	Dilantik	Induk/Negeri Sembilan
16.	Tan Hui Yee	Dilantik	Induk
17.	Chua Seong Aik	Gabungan	P.D Pulau Pinang
18.	Ivan Yeoh	Gabungan	P.D Pulau Pinang
19.	Muhammad Zikri bin Zulkifli	Gabungan	P.D Kedah
20.	Leong Wai Yearn	Gabungan	P.D. Kedah
21.	K.P Murali	-	Pemerhati
22.	Evvie Sham	-	Pemerhati



23.	Albert Chung	-	Pemerhati
24.	Aswindran Ghanaseharan	-	Pemerhati
25.	Firdaus Azanan	Gabungan	Kelantan
26.	Kumar Thangaraju	-	Penasihat

**Tidak Hadir tanpa sebab**

No.	Nama
1.	Persatuan Dodgeball Selangor
2.	Persatuan Dodgeball WP Kuala Lumpur
3.	Persatuan Dodgeball Terengganu

No.	Butiran
1.	<p><b>Kehadiran Ahli</b></p> <p>Pada jam 2.30, semua ahli bersekutu, jawatankuasa induk dan pemerhati telah mula beramah sambilan menunggu ahli lain sampai. Setiausaha telah mencatat kehadiran.</p>
2.	<p><b>Ucapan alu – aluan daripada setiausaha</b></p> <p>Setiausaha telah mengalu-alukan kehadiran para hadirin dan mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan para ahli dalam pembangunan dodgeball di Malaysia untuk tahun 2023 dan 2024.</p>
3.	<p><b>Ucapan Presiden</b></p> <p>Dato Radha mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir samada fizikal ataupun atas talian dan menyerlahkan program program MAD</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek 1 murid 1 Sukan pada tahun 2023 yang melibatkan 320 sekolah telah berjalan lancar dan disebabkan sukses projek tersebut dengan kerjasama yang baik bersama Bahagian sukan, kokurikulum dan kesenian Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada tahun 2024, MAD telah dipilih untuk menjalankan program pembangunan sukan dodgeball di sekolah menengah pula dengan penglibatan 336 sekolah.</li> <li>- Dodgeball pada tahun 2024 telah menjadi sukan “DEMO” di Sukan IPT yang dianjurkan di Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia. Dato mengucapkan terima kasih kepada En.</li> </ul>



Zikri dan seluruh exco Persatuan Dodgeball Kedah, En. Dasa dan En. Hafidz kerana menghadiri dan menganjurkan program secara sukses.

- Kejohanan Kebangsaan Dodgeball (NDC) 2024 dianjurkan dengan sukses dan dihadiri Menteri Sukan, YB Hannah Yeoh, Pengarah BSKK En. Zainuren, PJS En. Suhardi Alias, JBS Selangor Pn. Azura, Penaung MAD Dato Malek Noor, pihak media dan ahli induk sekalian. Menteri Sukan juga mengumumkan sokongan dana sebanyak RM 50, 000.00 untuk pembangunan sukan dodgeball dan sokongan bagi Pasukan Kebangsaan yang akan bertanding di Graz, Austria.
- Pada tahun 2024 juga, MAD telah menganjurkan Kejohanan Dodgeball Belia Kebangsaan pertama dengan lebih daripada 60 pasukan belia yang telah bertanding. Diucapkan syabas kepada PD Putrajaya kerana mendapat penamat podium bagi kategori lelaki dan perempuan. Terima kasih kepada Datuk Ramlan kerana menghadiri dan memberikan hadiah kepada para pemenang.
- Kejohanan Belia Antarabangsa 2025 yang akan dianjurkan pada bulan Februari di Calgary, Canada tidak akan diambil bahagian oleh Persatuan Induk dan pasukan kebangsaan. Keputusan ini diambil selepas perbincangan bersama pengurusan pasukan kebangsaan kerana faktor cuaca dan kos penginapan dan pengangkutan. Walaubagaimanapun, disebabkan WDBF telah membuat pengumuman bahawa WYC 2025 adalah konsep pertandingan terbuka, Persatuan Induk tidak menghalang sesiapa yang ingin menghantar pasukan untuk bertanding dan Persatuan Induk tidak akan mengambil tanggungjawab jika apa – apa berlaku.
- Kejohanan Dodgeball Dunia 2024, Pasukan Lelaki Malaysia telah tewas dengan pasukan USA dan mendapat tempat kedua. Dato menonton pertandingan buat kali pertama dan mengemas kini skor kepada YB Hannah dan YB ekspres rasa sedih atas kekalahan Pasukan Malaysia. Kedutaan Malaysia juga telah menyokong Pasukan Malaysia dan
- Liga Dodgeball Malaysia 2024 tidak dapat dijalankan seperti yang diaturkan dengan ahli gabungan melaporkan kesuntukan masa persiapan dan tiada komunikasi daripada jawatan kuasa pengajur dan negeri negeri lain. Dato meminta maaf dan memberitahu ahli gabungan komunikasi akan diperbaiki. Walaubagaimanapun, Liga Dodgeball Malaysia tetap akan berlangsung tetapi hanya kategori Bawah 16 dan bawah 12 kerana telah mendapat sokongan KPM.



4.	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahun 2023</b></p> <p>Minit Mesyuarat 2023 telah diemelkan bersama surat panggilan AGM 2024.</p> <p>Dato Dr. Ramlan telah meminta Setiausaha Agung untuk menyemak semula nama – nama ahli yang hadir dengan memastikan nama dieja dengan penuh dan betul.</p> <p>SU Dasa telah mengambil maklum atas pembetulan tersebut.</p> <p>Minit Mesyuarat 2023 diluluskan dengan dicadangkan oleh Datuk Dr. Ramlan</p> <p>Cadangan disokong oleh En. Abdul Hafidz</p>
5.	<p><b>Pengesahan Laporan</b></p> <p><b>1. Aktiviti Tahun 2023</b></p> <p>SU telah menghuraikan semua aktiviti tahun 2023.</p> <p>Laporan SU telah diluluskan dengan dicadangkan oleh Datuk Dr. Ramlan</p> <p>Cadangan Disokong oleh En. Yuzamri Yusof</p> <p><b>2. Laporan Kewangan 2023</b></p> <p>Dato Radha memaklumkan kepada keahlian bahawa, Laporan kewangan telah diaudit oleh juruaudit luar <b>Esan &amp; Co.</b></p> <p>Pn. Ramona menghuraikan laporan kewangan. Dato memberitahu ahli semua bahawa MAD sekarang berada di posisi yang stabil dari segi kewangan.</p> <p>Laporan kewangan 2023 telah diluluskan dengan dicadang oleh En. Abdul Hafidz</p> <p>Disokong oleh Datuk Dr. Ramlan</p> <p>Dato Radha mengumumkan sebagai tanda terima kasih dan syabas kepada pasukan kebangsaan, kesemua 17 ahli yang telah berada di Graz, Austria akan diberikan ganjaran RM 700.00. Dato menambah bahawa ia sepatutnya RM 1,000 tetapi disebabkan kekalahan mereka, RM 700.00 sahaja diberikan.</p> <p><b>3. Laporan Keahlian 2023</b></p> <p>Laporan keahlian dihuraikan oleh SU Dasa dengan ahli gabungan terbaru, Persatuan Dodgeball Kedah dan mempunyai 3 negeri yang belum membayar yuran tahunan iaitu,</p>



Persatuan Dodgeball Selangor, Persatuan Dodgeball WP Kuala Lumpur dan Persatuan Dodgeball Sarawak.

Bersamaan laporan ini, En. Yeo Wai Tat telah membangkitkan beberapa soalan berkaitan keahlian MAD, iaitu keahlian Datuk Dr. Ramlan dan Persatuan Dodgeball Kedah. Presiden telah meminta Ketua jawatankuan keahlian En. Kumar, untuk mengambil maklum dan akan meneliti perkara tersebut.

## 6. Perkara Berbangkit

### I. Pindaan Perlembagaan

Cadangan Pindaan kepada Fasal 6 Perlembagaan telah dibentangkan oleh SU. Presiden telah meminta En. Kumar untuk mengulaskan tentang cadangan pindaan tersebut. En. Kumar telah memberi ulasan bahawa pindaan perlembagaan Fasal 6.2 bagi menerima Kelab Sukan dodgeball untuk menjadi ahli bersekutu akan memberikan peluang kepada lebih ramai kelab sukan dodgeball yang berdaftar untuk menjadi ahli bersekutu dan mengambil bahagian di dalam kejohanan antara kelab – kelab diperingkat kebangsaan.

Proses pengundian telah dijalankan dan pindaan kepada Fasal 6.2 telah diluluskan dengan undian seperti berikut:

#### Sokong

- Dato Radha Krishanan (individu)
- Pn. Ramona Yuen (penasihat)
- En. Otto Wong (penasihat)
- P. D Pahang
- P.D Putrajaya

#### Tidak Sokong

- P.D Perak
- P.D Kelantan
- P.D Melaka
- P.D Pulau Pinang



## **Pindaan Perlembagaan diluluskan.**

### **II. Laporan daripada IT dan komunikasi**

En. Aswindran melaporkan bahawa website MAD baru adalah dalam fasa terakhir dan semua kerja IT dan media dijalankan sebaik mungkin.

SU telah melaporkan bahawa pasukan media telah membawa pembaharuan dan meningkatkan pengikut dan penglibat media social.

### **III. Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan**

Dato Radha melaporkan bahawa En. Juhaizad telah dilantik sebagai Ketua Teknikal baru.

En. Albert Chung juga mengambil alih sebagai ketua jawatankuasa pertandingan kerana En. Anthony Chua telah megumumkan perletakan jawatan beliau.

### **IV. Perletakan Jawatan Setiausaha Agung**

Dato Radha memberitahu ahli gabungan En. Dasa telah memberikan surat letak jawatan tetapi Dato telah berbincang dengan Dasa dan meyakinkan Dasa untuk tidak meletakkan jawatan.

### **V. Liga Dodgeball Malaysia 2025**

En. Albert Chung telah membentangkan kertas cadangan Liga Dodgeball Malaysia 2025 dan memaklumkan bahawa kesemua kelulusan dan kebenaran jawatankuasa Pertandingan untuk melaksanakan LDM 2025 adalah tanggungjawab Jawatankuasa Induk. Beliau berharap Keputusan diambil secepat mungkin supaya semua ahli gabungan ada masa yang secukupnya untuk bersedia.

### **VI. Kalendar Persatuan 2025**

SU, Dasataran membentangkan kertas cadangan Kalendar 2025 kepada semua ahli gabungan dan menekankan bahawa semua program adalah bergantung kepada kelulusan jawatankuasa induk.

## **Ucapan Penutup Presiden**



Presiden, Dato Radha mengucapkan terima kasih dan menekankan kepada semua ahli gabungan bahawa fokus kepada pembangunan sukan Dodgeball dan bukan agenda Personal.

Disediakan Oleh

Dasataran V. Subramaniam

Setiausaha Agung

Persatuan Dodgeball Malaysia

30hb Oktober 2024

Diluluskan Oleh

Dato Radha Krishnan

Presiden

Persatuan Dodgeball Malaysia

30hb Oktober 2024